

02 JUL 2000

Shahrizat-iri

JANGAN IRI HATI PELANTIKAN AZALINA AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Anggota Umno terutamanya daripada kalangan Pergerakan Wanita tidak harus merasa iri hati atas pelantikan peguam dan aktivis muda Azalina Othman Said sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) parti.

Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Azalina telah banyak menyumbang khidmat kepada parti dan kehadiran beliau membolehkan aspirasi golongan muda disampaikan dalam MT dan parti.

"Mana boleh ada iri hati dalam politik. Masing-masing ada tugas yang perlu dilaksanakan dan kita mesti ada pembahagian kerja dan tanggungjawab serta perlu ada wakil daripada generasi muda (dalam MT) untuk menyampaikan hasrat mereka," katanya kepada pemberita semasa menghadiri pertandingan Bola Tampar Pantai, di sini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya adakah pelantikan Azalina, 36, menimbulkan perasaan iri hati di kalangan anggota dan pemimpin parti terutamanya di kalangan Pergerakan Wanita Umno yang sudah lama berkhidmat untuk parti.

Shahrizat berkata Pergerakan Wanita Umno telah lama bekerjasama dengan Azalina dan beliau bukan muka baru tetapi sudah lama berjasa di peringkat akar umbi.

Ditanya adakah MT membenarkan anggotanya bersuara lantang dalam mesyuarat, beliau berkata: "Sudah tentu mereka dibenarkan untuk bersuara lantang, semasa saya menjadi anggota MT dulu saya menyuarakan pandangan dan fikiran saya."

Beliau berkata pelantikan Azalina dibuat oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas membuat pilihan daripada senarai beberapa nama yang dikemukakan oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Sementara itu, beliau berkata golongan remaja di bandaraya memerlukan lebih banyak tempat beriadah bagi mengelakkan mereka terlibat dalam kegiatan yang tidak diinginkan.

Beliau berkata ini penting kerana tempat beriadah bagi remaja kini kebanyakannya terhad di padang bola dalam kawasan sekolah dan ini menimbulkan kebimbangan pada pihak sekolah tentang kemungkinan berlaku perbuatan yang tidak diinginkan, seperti vandalisme.

--BERNAMA

ARA SHI RI